



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU RECIPES WHEN YOU'RE BROKE

Ini bukan buku motivasi, tetapi buku resipi yang dapat memberi motivasi kepada sesiapa yang menghadapi masalah ‘poket kering’. PTS Publishing Sdn. Bhd. menerbitkan buku resipi yang ringkas, namun berguna pada waktu ‘kritikal’. Kali ini, Chef Azian menampilkan menu-menu yang bukan sahaja sedap, malah cara penyediaan yang mudah. Apa yang penting, kesemua menu yang dikongsikan oleh Chef Azian tidak memerlukan kos perbelanjaan dapur yang banyak.

Dalam buku ini dimuatkan sebanyak 30 resipi. Di antara 30 resipi ini, terdapat 6 resipi yang ditanda *must try* bermakna resipi ini antara menu yang sedap dan harus dicuba. Kelebihan buku ini terletak pada penerangan bahan masakan dan cara penyediaan yang ringkas. Ia bukan sahaja sesuai kepada pembaca yang sudah amatur dalam bidang memasak. Namun, juga sesuai kepada yang tidak mahir memasak.

Malah, turut diletakkan slot tip bajet. Tip bajet ini seperti cadangan cara masak ataupun cadangan untuk lebih jimat. Tambahan pula, saiz buku yang sederhana akan memudahkan pembaca untuk membawa buku ini ke mana sahaja.

Buku-buku resipi Chef Azian sememangnya hanya memaparkan menu-menu yang sedap dan sentiasa mengikuti masalah semasa, iaitu walaupun ‘poket kering’ tetapi makan juga perlu diutamakan. Antara buku beliau yang lain adalah *Tolong! Saya Hanya Ada 60 Minit, Idea Bekal Ke Pejabat Menu Ala Barat*, dan *Idea Bekal Ke Sekolah Menu Ala Barat*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my